

Headline **Tempat itu nanti biarlah lebih baik**
Date **16 Jul 2009**
MediaTitle **Sinar Harian**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
ADValue **1979**

Language **Malay**
Page No **15**
Article Size **178 cm²**
Color **Full Color**
PRValue **2,937**



Tempat itu nanti biarlah lebih baik...

SINAR HARIAN meluangkan masa mendengar rintihan seorang pesakit, Yazid Ismail, 49, (bukan nama sebenar) yang juga penghuni paling lama menghuni gereja terbabit.

"Saya berada di sini sebab tak ada orang nak ambil dan jaga saya. Sama juga dengan rakan-rakan lain. Bukan kami datang sendiri, tetapi dihantar oleh doktor atau pihak penjara," kata Yazid.

Sepanjang dua tahun di situ, Yazid berpuashati dengan layanan dan penjagaan yang diberikan.

"Mula-mula dulu memanglah saya sedih. Kenapalah sampai begini jadinya. Tapi kalau tak tinggal di sini, ada tempat lain

yang boleh saya tuju?"

"Perasaan sedih hilang bila pekerja di sini betul-betul membela nasib kami tanpa mengira bangsa dan agama. Mahu beribadat pun tiada siapa yang halang, sebaliknya kami digalakkan berbuat demikian," katanya.

Namun, jaub di sudut hatinya, dia mengidam untuk berpindah ke pusat jagaan lain walaupun gereja itu, banyak berjasa kepadanya.

"Kalau ada pilihan lain tentu saya akan pergi terutama jika tempat itu diselaiakan oleh orang kita dan bangsa kita sendiri.

"Tetapi, jika tempat itu tidak sebaik tempat ini, lebih baik saya terus tinggal di sini sahaja sebab

bagi saya tempat ini adalah yang 'terbaik' untuk para pembawa virus HIV yang terbiar dan disisihkan keluarga macam kami ini," katanya.

Menurut Yazid, setiap hari dia bersama penghuni yang lain dikehendaki melakukan aktiviti yang telah disusun oleh pihak pengurusan seperti senaman, menonton TV dan sebagainya.

Malah, setiap penghuni juga digalakkan membantu antara satu sama lain bagi mengeratkan hubungan sambil dapat mewujudkan suasana harmoni di situ.

Sementara itu, bagi Razali Alunad, 40an, (bukan nama sebenar) melahirkan rasa syukur kerana masih ada orang yang



● Pesakit Aids akan berpindah jika ada tempat lain yang lebih baik disediakan.

menyayangi insan seperti mereka.

"Jika sebelum ini, tidur kami hanyalah beralaskan kotak yang dibuang dan bertemankan nyamuk, tetapi tidak di sini.

"Kami dilayan sebaik mungkin, walaupun berlainan agama, malahan digalakkan beribadat dan saling membantu antara satu sama lain," katanya.